

KPDNHEP Labuan serah polis, wanita suspek keldai akau transaksi dalam talian

Oleh Henry Bating

LABUAN: Seorang wanita yang disyaki menjadi suspek keldai akaun diserahkan ke Bahagian Siasatan Komersial Balai Polis WP Labuan untuk siasatan.

Ketua Pegawai Pen-giatkuasa Negeri Kementेरian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) WP Labuan Anual Kamari berkata, pihaknya telah menerima aduan tentang penipuan transaksi dalam talian itu.

“Penipuan itu melibatkan sebuah page Facebook - Ilix Smartphone Labuan yang konomnya bertapak di sebuah kompleks beli-belah di WP Labuan,” katanya.

Menurut Anual, hasil siasatan mendapati premis yang diadukan tidak wujud dan maklumat yang diperoleh dari institusi perbankan mendapati nombor akaun yang digunakan telah didaftarkan ke atas sebuah penama yang beralamat di WP Labuan.

Katanya, pihak KPDNHEP dimaklumkan bahawa pemilik nombor akaun itu ialah seorang wanita berumur 31 tahun dan merupakan warganegara Malaysia yang menetap di sebuah kawasan perumahan WP Labuan.

“Kami telah memanggil suspek untuk hadir ke pejabat KPDNHEP bagi memberikan keterangan berhubung aduan berkenaan,” katanya.

Hasil keterangan yang diberikan mendapati suspek telah menjadi keldai akaun yang melibatkan tiga akaun berbeza ianya berhubung dengan seseorang melalui Facebook Messenger.

Dalam keterangannya juga suspek menyatakan setiap kali transaksi masuk ke dalam akaunnya ia mendapat komisen sebanyak RM40 hingga RM100 dan perlu menyalurkan wang berkenaan ke akaun lain mengikut arahan yang diberikan.

“Suspek hanya diberitahu setiap wang yang masuk merupakan hasil jualan Bitcoin dan telah menjadi keldai akaun semenaik Oktober 2019,” katanya.

Disamping itu suspek juga tidak tahu-menahu tentang iklan penipuan jualan telefon bimbit yang diiklankan di Facebook.

Anual seterusnya menasihati orang ramai agar tidak mudah tertipu dengan pembelian atas talian dan perlu menyelidik terlebih dahulu sebelum membeli sesuatu.

Orang ramai yang ingin mencari pekerjaan juga diingatkan agar tidak mudah percaya dengan sebarang iklan yang menjana pendapatan lumayan dari rumah.

Katanya orang ramai perlu menyasat latar belakang syarikat pembuat iklan terlebih dahulu agar tidak menjadi mangsa keldai akaun untuk kepentingan pihak tidak bertanggungjawab.